

26 MAR 1996

Anwar-Umno

ADUN BOLEH BERI PANDANGAN TAPI HARUS IKUT SALURAN, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata anggota Dewan Undangan Negeri boleh memberi pandangan mengenai siapa yang mereka mahu sebagai Menteri Besar tetapi ia harus mengikut saluran yang wajar.

"Wakil rakyat melahirkan pandangan mereka, dan kalau saya kata tak boleh tak munasabah juga. Saya jawab kata boleh tetapi saya nak memaklumkan bahawa sewajarnya mereka ikut saluran," katanya.

Ketika diminta pandangan mengenai tindakan 22 anggota Dewan Undangan Negeri Kedah yang mengemukakan memorandum kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mengekalkan Tan Sri Osman Aroff sebagai Menteri Besar, Anwar berkata beliau akan meneliti pandangan mereka terlebih dahulu sebelum mengulas lanjut.

Semalam Dr Mahathir berkata, para anggota Dewan Undangan Negeri Kedah itu sepatutnya mengikut tradisi UMNO iaitu berbincang dengannya terlebih dahulu sebelum mengumumkan pandangan mereka kepada akhbar.

Para anggota Dewan Undangan Negeri Kedah dalam memorandum kepada Perdana Menteri itu menegaskan bahawa mereka akan menolak jika anggota Dewan Undangan Negeri Kedah bagi kawasan Kuah Datuk Seri Sanusi Junid, yang juga bekas Menteri Pertanian, dilantik sebagai Menteri Besar Kedah menggantikan Osman.

Ketika ditanya sama ada tindakan para anggota Dewan Undangan Negeri Kedah itu wajar, Anwar yang juga Timbalan Presiden Umno dan Pengerusi Jawatankuasa Disiplin parti berkata, mereka ada peranan dan hak mereka masing-masing.

"Cuma dalam isu ini soal menghebahkan keputusan itu menimbulkan sedikit masalah, dan bukan tradisi (parti) sebelum ini," katanya.

Bagaimanapun dalam memorandum itu beberapa anggota Dewan Undangan Negeri melahirkan rasa dan pandangan kuat masing-masing dan Umno tidak boleh memandang ringan dan mengetepikannya begitu sahaja, katanya lagi.

Apabila ditanya sama ada perkembangan itu sihat kepada Umno, beliau berkata; "Saya ingat tak payah sampai ke situ sebab mereka masih ahli parti dan mereka patuh kepada disiplin dan peraturan parti. Saya tak fikir banyak sangat kerumitan. Mereka nak lahirkan pandangan mereka dan kita patut dengar."

Anwar berkata, persoalan sama ada mereka yang terbabit itu melanggar disiplin parti belum berbangkit.

Beliau berkata beliau telah berbincang mengenai perkembangan itu dengan Dr Mahathir semalam dan akan menyambung perbincangan itu selepas Perdana Menteri kembali daripada lawatan rasmi ke New Zealand.

"Kita terima memorandum itu dan saya fikir sebaiknya kalau memorandum itu disampaikan tanpa dihebahkan terlebih dahulu. Tetapi saya anggap rakan-rakan anggota Dewan Undangan Negeri itu nak menyampaikan pandangan dan hasrat mereka," katanya.

Anwar berkata beliau percaya perkembangan itu akan dibincangkan dalam mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi parti pada awal bulan depan dan beliau berharap ia dapat diselesaikan dengan sebaiknya.

"Saya fikir ia mungkin dibangkitkan (dalam mesyuarat MT). Tetapi saya berbincang dengan PM semalam, ada beberapa langkah yang patut saya buat dan saya akan laporkan kepadanya," kata beliau. -- BERNAMA

AFY NMO